

Sejarah Pengumpulan Mushaf al-Quran

“ Bagaimanakah kamu semua hendak melakukan sesuatu yang tidak pernah dilakukan oleh Rasulullah SAW? Demi Allah, sekiranya mereka memerintahkan aku untuk memindahkan sebuah gunung, hal tersebut jauh lebih mudah dilakukan berbanding dengan mengumpulkan al-Quran.” (Hadis riwayat al-Bukhari).



lah kata-kata yang dilafazkan oleh seorang sahabat bernama Zaid bin Thabit. Beliau berkata kerana perintah untuk mengumpulkan ayat al-Quran bukanlah tugas yang mudah, bahkan merupakan tanggungjawab yang amat berat untuk dilaksanakan.

Pengumpulan dan pembukuan ayat al-Quran awalnya dilihat sebagai suatu perbuatan yang ganjil kerana tidak pernah dilakukan oleh Rasulullah SAW. Walau bagaimanapun, setelah melalui perjalanan yang sangat panjang, maka terhasillah mushaf al-Quran sebagaimana yang kita dapati pada hari ini. Kronologi kisah pengumpulan dan penulisan al-Quran dapat kita temukan dalam teks hadis yang diriwayatkan oleh para sahabat seperti Zaid bin Thabit dan diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dalam *al-Bukhari*.

Jika disingkap dari sudut catatan sejarah Islam, proses pengumpulan mushaf al-Quran boleh dikategorikan kepada tiga fasa:

Era Rasulullah SAW

Ayat al-Quran telah dikumpulkan sejak Rasulullah SAW masih hidup. Pada ketika itu, setiap ayat yang diturunkan oleh Allah SWT melalui malaikat akan dibaca dan dihafal oleh Baginda dengan penuh perhatian agar tiada satu pun ayat yang tertinggal. Biasanya, Baginda menyampaikan ayat tersebut kepada para sahabat dan mereka terus menghafalnya. Menurut Manna' al-Qattan dalam bukunya, *Mabahith fi 'Ulum al-Quran*, bangsa Arab secara lumrahnya mempunyai ingatan yang kuat. Oleh itu, mereka tidak menghadapi masalah untuk mengingat ayat al-Quran tersebut. Rasulullah SAW melantik para sahabat sebagai penulis pada setiap kali ayat al-Quran diturunkan, iaitu Uthman bin al-Walid, Ubai bin Ka'ab, Zaid bin Thabit, Sa'ad bin Jabal, 'Ali bin Abi Talib, Uthman bin 'Affan dan lain-lain. Penulisan ayat al-Quran dicatat pada tulang, kulit kayu, pelepah tamar, kulit dan tulang haiwan. Pada masa sebelum terdapat penghasilan kertas pada dunia ini. Aktiviti tersebut dipantau oleh Rasulullah SAW sebagaimana yang diriwayatkan oleh Zaid bin Thabit bahawa, "Kami menyusun al-Quran di hadapan Rasulullah pada kulit haiwan." (Hadis riwayat al-Hakim). Beberapa kali terlintas di fikiran kita tentang bagaimanakah susunan ayat al-Quran dilakukan oleh para sahabat pada ketika itu? Sebagaimana yang kita ketahui, ayat pertama yang diturunkan ialah

Surah al-'Alaq yang bermaksud, "Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (semua makhluk)", namun mengapa surah tersebut tidak ditempatkan sebagai surah yang pertama? Mengapa tidak disusun mengikut turutan surah tersebut diturunkan? Al-Suyuti dalam *al-Itqan fi 'Ulum al-Qur'an* menjelaskan bahawa kaedah ini dinamakan sebagai *taufiqi*, iaitu para sahabat menulis ayat al-Quran mengikut susunan surah dan tertib yang diperintahkan oleh Allah SWT dan Rasulullah SAW.

Hal ini berdasarkan hadis riwayat Ibn Abbas r.a. yang memetik kata-kata Sayidina Uthman, iaitu "Semasa sesuatu ayat diturunkan, Baginda menyeru sebahagian daripada penulis wahyu (ayat al-Quran) lalu bersabda: 'Tempatkanlah ayat ini dalam surah yang menyebut tentang perkara sekian dan sekian.'" (Hadis riwayat al-Tirmidzi).

Di samping itu, al-Kirmani dalam *al-Burhan fi Mutasyabih al-Qur'an* menyatakan bahawa susunan surah dalam al-Quran merupakan ketetapan di sisi Allah sebagaimana yang telah termaktub di lohmahfuz. Bagi memastikan ketepatan susunan tersebut, Rasulullah SAW telah dikunjungi oleh malaikat Jibril pada setiap tahun untuk menyemak semua ayat al-Quran yang dihafal oleh Baginda.

Pada era ini, catatan ayat al-Quran disimpan oleh para sahabat dalam bentuk catatan peribadi. Ayat al-Quran masih belum dikumpulkan dan didokumentasikan dalam bentuk sebuah naskah disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya termasuklah kerana ayat al-Quran tidak diturunkan secara sekali gus, tetapi secara beransur-ansur. Proses penurunan wahyu juga masih berlangsung pada ketika itu dan mengambil masa selama 23 tahun (13 tahun di Makkah dan 10 tahun di Madinah). Di samping itu, terdapat penurunan ayat *nasikh* yang membatalkan hukum syarak sebelumnya. Menurut Imam al-Zarkasyi dalam *al-Burhan fi 'Ulum al-Qur'an*, ayat al-Quran tidak dibukukan ketika Rasulullah masih hidup untuk mengelakkan berlakunya perubahan pada kandungannya dari semasa ke semasa.

2 Era Sayidina Abu Bakar al-Siddiq r.a.

Sayidina Abu Bakar memegang tampuk kepimpinan Islam setelah kewafatan Rasulullah SAW. Beliau menghadapi cabaran yang besar dalam usaha memerangi golongan murtad, kewujudan nabi palsu dan golongan yang enggan

membayar zakat. Operasi memerangi golongan murtad dalam Perang Yamamah pada tahun ke-12 Hijrah telah mengorbankan sebanyak 70 orang Muslim. Mereka yang syahid terdiri daripada ulama sahabat dan para penghafal al-Quran.

Situasi ini menimbulkan kerisauan di hati Sayidina Umar al-Khattab yang khawatir sekiranya al-Quran mulai hilang seiring dengan kematian para penghafal al-Quran. Cadangan tersebut diusulkan kepada Sayidina Abu Bakar, namun ditolak pada awalnya kerana hal tersebut tidak pernah dilakukan apatah lagi diperintahkan oleh Rasulullah SAW. Walau bagaimanapun, beliau pada akhirnya bersetuju dengan cadangan tersebut setelah didapati banyak hasil positif yang menguntungkan umat Islam.

Mereka menemui Zaid bin Thabit dan memerintahkannya agar mengumpulkan semua catatan ayat al-Quran untuk dibukukan. Pemilihan Zaid bin Thabit dilakukan mengambil kira kecerdasan beliau dalam hafalan, kepakarannya dalam bidang penulisan, bacaan qiraat dan juga kesaksiannya pada kali terakhir ayat al-Quran diturunkan kepada Rasulullah SAW.

Sebagaimana respons awal Sayidina Abu Bakar, Zaid bin Thabit juga tidak bersetuju dan menolak pelantikan tersebut. Namun begitu, pada akhirnya, beliau menerima perkara tersebut dan mula melaksanakan tugasannya dengan bersungguh-sungguh. Beliau mengumpulkan semua catatan dan lembaran ayat al-Quran yang ditulis oleh para sahabat, mengikatnya dengan kemas dan menyusunnya mengikut turutan yang telah ditetapkan oleh Rasulullah SAW.

Di samping itu, beliau juga menemui para penghafal al-Quran dan “mengumpulkan” ayat al-Quran yang terdapat dalam ingatan mereka. Setelah melalui proses semakan yang teliti dengan bantuan beberapa orang sahabat, semua ayat al-Quran disusun secara sistematik dan ditulis semula dalam bentuk lembaran yang tidak dibukukan yang dikenali sebagai suhuf. Lembaran tersebut kemudiannya dibentangkan di hadapan Sayidina Abu Bakar dan diserahkan kepada beliau sebagai sebuah naskhah al-Quran induk.

Setelah kematian Sayidina Abu Bakar pada tahun 13 Hijrah, kepimpinan Islam digantikan oleh Sayidina Umar sebagai khalifah yang kedua dan naskhah al-Quran yang berada dalam simpanan Sayidina Abu Bakar telah diserahkan kepadanya. Pada ketika itu, tidak terdapat sebarang permasalahan mahupun

pertikaian pendapat antara sahabat tentang naskhah tersebut. Naskhah tersebut kemudiannya dipindahkan ke rumah anaknya, Sayidatina Hafsa binti Umar yang juga merupakan isteri Rasulullah SAW pada tahun 23 Hijrah, iaitu setelah kematian Sayidina Umar.

3 Era Sayidina Uthman bin al-Affan r.a.

Pada era pemerintahan Sayidina Uthman sebagai khalifah Islam yang ketiga, penyebaran Islam berlaku dengan sangat pesat. Hasilnya, wilayah empayar Islam semakin berkembang dan meliputi pelbagai negara bukan Arab. Para penghafal al-Quran bertebaran ke serata pelosok wilayah dalam usaha mengajarkan al-Quran dengan beberapa kaedah bacaan qiraat yang mutawatir (diterima daripada Rasulullah SAW). Kesannya, berlaku perselisihan pendapat dalam kalangan umat Islam dari segi riwayat pembacaan al-Quran.

Selain itu, berlaku kepelbagaian kaedah bacaan al-Quran daripada golongan bukan Arab. Mereka berkeras untuk mempertahankan kaedah bacaan masing-masing, bahkan saling mengkafirkan antara satu dengan yang lain. Kisah ini terdapat dalam hadis sahih yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik, dan kejadian tersebut disaksikan oleh Huzaifah bin al-Yama semasa keterlibatannya bersama-sama penduduk Syar dan Iraq dalam peperangan Armenia dan Azerbaijan. Beliau menemui Sayidina Uthman dan berkata, “Wahai Amirul Mukminin, satukanlah umat ini sebelum mereka berselisih tentang al-Kitab (al-Quran) sebagaimana perselisihan antara orang Yahudi dengan Nasrani.” (Hadis riwayat al-Bukhari).

Bagi mengekang permasalahan ini, Sayidina Uthman dan para sahabat bersepakat untuk menyalin lembaran suhuf yang dikumpulkan pada zaman Sayidina Abu Bakar dan meminjam naskhah al-Quran yang berada dalam simpanan Sayidatina Hafsa. Pada akhir tahun 24 Hijrah, beliau menubuhkan satu pasukan khas yang dianggotai oleh Zaid bin Thabit, Abdullah bin al-Zubair, Sa'id bin al-'As dan Abdul Rahman bin al-Harith. Beberapa inisiatif dilakukan oleh para sahabat sepanjang proses penulisan dan penyalinan ayat al-Quran tersebut, iaitu:

- Menyeragamkan penulisan ayat al-Quran dengan merujuk ejaan dan sebutan bangsa Arab Quraisy yang menepati sebutan dan bacaan Rasulullah SAW. Perbincangan antara mereka

dicatat dalam hadis sahih yang bermaksud, Uthman berkata kepada tiga orang Quraisy (Abdullah bin al-Zubair, Sa'id bin al-'As dan Abdul Rahman bin al-Harith): 'Jika kamu berselisih pendapat dengan Zaid bin Thabit dalam apa-apa perkara tentang al-Quran, maka tulislah mengikut dialek Quraisy kerana al-Quran diturunkan dalam dialek mereka.' Kaedah bacaan diseragamkan kepada satu bentuk sahaja.

ayat al-Quran ditulis tanpa titik dan baris supaya dapat diterima oleh semua umat Islam yang berada di pelbagai wilayah.

Apabila selesai pelaksanaan projek penulisan dan pengumpulan al-Quran ini, maka terhasil sebuah Mushaf al-Quran yang telah dibukukan yang dikenali sebagai *Mushaf Uthmani*. Naskhah al-Quran induk ini telah dikembalikan kepada Sayidatina Hafshah. Naskhah tersebut telah disalin sebanyak enam naskhah yang daripadanya disimpan oleh Sayidina Uthman dan dinamakan *Mushaf al-Imam*. Sebanyak lima naskhah dihantar ke wilayah Kufah, Basrah, Syam, dan Madinah bersama-sama para pengajar pada tahun 25 Hijrah. Catatan al-Quran yang lain dalam versi selainnya dilupuskan dan dibakar untuk mengelakkan perbalahan dalam kalangan umat.

Penulisan *Mushaf Uthmani* seterusnya mengalami beberapa penambahbaikan dari semasa ke semasa. Untuk ayat al-Quran mula diletakkan titik, tanda baris, wakaf dan sebagainya. Hasilnya, al-Quran yang sampai ke tangan kita pada hari ini dengan bentuk yang sama dan memudahkan kita untuk membacanya dengan sebarang keraguan.

Ini merupakan sumbangan yang sangat berharga yang dilakukan oleh Sayidina Uthman kepada kita. Umat Islam diselamatkan daripada perbalahan, dan perselisihan pendapat dapat diselesaikan dengan baik. Penyeragaman ejaan, kaedah bacaan qiraat dan penyelarasan susunan ayat dan surah telah menyatukan hati dan berkesakan pegangan akidah umat Islam. Ini merupakan satu daripada bentuk mukjizat yang dijanjikan oleh Allah SWT dalam *Surah al-Hijr* yang bermaksud, "Sesungguhnya Kami telah menurunkan al-Zikr (al-Quran) dan sesungguhnya benar-benar memeliharanya." ۞



Ringkasan Sejarah Pengumpulan al-Quran

Fasa 1

Zaman Nabi Muhammad SAW

- Wahyu ditulis oleh para sahabat pada pelbagai bahan seperti kulit binatang, tulang dan pelepah tamar.
- Hafalan ayat al-Quran oleh para sahabat juga merupakan kaedah utama penyimpanan.

Fasa 2

Zaman Sayidina Abu Bakar r.a.

- Selepas Perang Yamamah (12 Hijrah), Sayidina Umar mencadangkan pengumpulan al-Quran.
- Zaid bin Thabit ditugaskan untuk mengumpulkan ayat al-Quran yang ditulis dan dihafal.
- Mushaf yang dikumpulkan disimpan oleh Sayidina Abu Bakar, kemudian Sayidina Umar, dan akhirnya oleh Hafshah binti Umar.

Fasa 3

Zaman Sayidina Uthman r.a.

- Bagi mengatasi perbezaan bacaan dalam kalangan umat Islam yang semakin meluas, Sayidina Uthman memerintahkan penyalinan dan penyebaran satu versi standard mushaf al-Quran.
- Zaid bin Thabit, Abdullah bin al-Zubair, Sa'id bin al-'As dan Abdul Rahman bin al-Harith ditugaskan menyalin mushaf berdasarkan simpanan Hafshah.
- Salinan mushaf dihantar ke pelbagai wilayah Islam, dan naskhah lain yang berbeza dibakar untuk mengelakkan kekeliruan.